

No. Ruj. : M QA.600-6/1/39 (4)
Tarikh : 6 Oktober 2023

YBhg. Profesor Dr. Zabidi Hussin
Naib Canselor
University of Cyberjaya (UoC)
Persiaran Bestari
Cyber 11
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

YBhg. Prof.,

KELULUSAN PELANTIKAN UNIVERSITY OF CYBERJAYA (UoC) SEBAGAI PUSAT PENILAIAN APEL (PPA) DALAMAN BAGI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA (APEL T-6) DAN IJAZAH SARJANA (APEL T-7)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian APEL, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, M QA) yang bermesyuarat pada **2 Oktober 2023** telah menimbangkan pelantikan University of Cyberjaya (UoC) sebagai Pusat Penilaian APEL (PPA) Dalaman bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6) dan Ijazah Sarjana (APEL T-7).
3. Selaras dengan Seksyen 74 Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, M QA telah memutuskan untuk melantik UoC sebagai PPA Dalaman bagi APEL T-6 dan APEL T-7 dengan syarat-syarat seperti di **Lampiran A** bermula daripada tarikh surat ini. UoC diminta untuk menjemput M QA untuk melaksanakan penilaian akreditasi APEL setelah memproses 25 permohonan penilaian APEL.
4. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan tahniah kepada UoC atas kejayaan menjadi PPA Dalaman bagi APEL T-6 dan APEL T-7. Semoga dengan pelantikan ini akan lebih ramai calon APEL berpeluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat tinggi kelak.

5. Sekiranya pihak YBhg. Prof. mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila berhubung dengan **Puan Zarina Abang** di talian **03-86883612** atau e-mel **zarina@mqa.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'sh' followed by a stylized surname.

DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT MEMPERAKUKAN KELULUSAN UNIVERSITY OF CYBERJAYA (UoC) SEBAGAI PUSAT PENILAIAN APEL (PPA) DALAMAN BAGI PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA (APEL T-6) DAN IJAZAH SARJANA (APEL T-7)

NAMA PPT	UNIVERSITY OF CYBERJAYA (UoC)
ALAMAT PPT	PERSIARAN BESTARI CYBER 11 63000 CYBERJAYA SELANGOR DARUL EHSAN

1. Syarat-syarat Umum:

- 1.1 PPT bertanggungjawab menjemput MQA untuk melaksanakan penilaian Akreditasi APEL.A setelah **memproses 25 permohonan** penilaian;
- 1.2 PPT akan menjalankan proses penilaian bagi kemasukan program Ijazah Sarjana Muda (APEL T-6) dan Ijazah Sarjana (APEL T-7);
- 1.3 PPT mestilah memenuhi terma lantikan Pusat Penilaian APEL.A dalam Garis Panduan Pelantikan Pusat Penilaian APEL;
- 1.4 PPT akan menjalankan aktiviti penilaian APEL.A sepenuhnya berdasarkan instrumen dan ketetapan Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu bagi Tujuan Kemasukan (APEL.A) dan Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu untuk Micro-Credentials (APEL.M) dan garis panduan berkaitan;
- 1.5 PPT perlu menjelaskan kepada pemohon mengenai pilihan PPA University of Cyberjaya secara dalaman adalah untuk menyambung pengajian di PPA tersebut sahaja;
- 1.6 Pelaksanaan APEL untuk kemasukan ke program di bawah badan profesional adalah tertakluk kepada penerimaan badan profesional yang berkenaan. PPT bertanggungjawab dalam mendapatkan pengesahan dari badan profesional mengenai perkara ini;
- 1.7 Caj proses penilaian APEL.A adalah berdasarkan ketetapan oleh MQA;
- 1.8 PPT mestilah mengemukakan keputusan individu yang lulus penilaian APEL T-6 dan APEL T-7 kepada MQA bagi tujuan pengeluaran Sijil Perakuan APEL.A;

- 1.9 Pengeluaran Sijil Perakuan APEL.A dilakukan oleh MQA dan PPT perlu membayar fi pemprosesan sijil kepada MQA;
- 1.10 Bagi proses penilaian APEL T-7, penentuan kelayakan pemohon perlu dirujuk pada senarai **Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR)** atau **Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSisraf)**. Kelayakan penentuan kesetaraan kelayakan akademik peringkat STPM atau Diploma yang tidak jelas mesti dirujuk kepada MQA;
- 1.11 PPT perlu memastikan hanya calon yang telah lulus penilaian APEL.A daripada PPA yang dilantik oleh MQA dan menerima keputusan rasmi daripada MQA sahaja boleh mendaftar atau melanjutkan pengajian di PPT;
- 1.12 PPT perlu menjelaskan kepada calon bahawa hanya makluman keputusan penilaian dan Sijil Perakuan APEL.A daripada MQA sahaja yang boleh digunakan untuk menyambung pengajian ke PPT;
- 1.13 Sekiranya MQA memperoleh bukti sahih dan kukuh bahawa PPT didapati telah mendaftarkan pelajar bagi melanjutkan pengajian di PPT tanpa makluman keputusan rasmi MQA/Sijil APEL.A daripada MQA, PPT didapati telah melanggar syarat kelayakan masuk melalui laluan APEL yang telah ditetapkan oleh KPT dan MQA berdasarkan kepada Surat JPT:JPT/GS 1000-606 Jld. 1 (29) bertarikh 22 Julai 2013 dan boleh dikenakan tindakan yang sewajarnya berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada;
- 1.14 MQA boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan jika PPT tidak mematuhi syarat-syarat di **Lampiran A** ini.

2. Syarat Khusus:

Tiada

3. Cadangan Penambahbaikan:

- 3.1 E-mel pemakluman keputusan kepada calon disediakan secara berasingan untuk APEL T-6 dan APEL T-7 memandangkan proses penilaian adalah berbeza; dan
- 3.2 Menunjukkan **hubungkait di antara Pusat APEL dengan jabatan/fakulti** dalam melaksanakan pengurusan APEL.